



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Dasar Utama



HALA TUJU



Membudayakan masyarakat prihatin dan bertanggungjawab dengan merakyatkan perkhidmatan cemerlang ke arah kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.



VISI



Kecemerlangan penyampaian
perkhidmatan ke arah
pembangunan masyarakat
makmur dan sejahtera menjelang
Tahun 2026.



MISI

Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan melalui tadbir urus yang cekap dan berkesan, berintegriti serta pelaksanaan inisiatif pendigitalan kementerian.

DASAR-DASAR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT (KPMKR)

PERKHIDMATAN KEBAJIKAN DAN SOSIAL

Perkhidmatan Kebajikan

Perkhidmatan Sosial

- ✓ Memberi perkhidmatan kebajikan kepada Warganegara Malaysia bermastautin di Sabah.

Matlamat:

Memastikan golongan masyarakat yang tidak berkemampuan, kurang bernasib baik serta yang berkeperluan mendapat bantuan sewajarnya.

- ✓ Penyampaian perkhidmatan bantuan sosial kepada murid-murid sekolah rendah.

Matlamat:

Memastikan murid-murid sekolah rendah menerima bekalan bantuan pakaian seragam, kasut sekolah, serta alat tulis.

- ✓ Pemberian bakul makanan kepada golongan sasar KPMKR.

Matlamat:

Membantu meringankan beban kewangan golongan sasar KPMKR iaitu golongan rentan dan yang memerlukan.

PEMBANGUNAN WANITA

Meningkatkan penyertaan dan keterlibatan wanita dalam arus pembangunan negara melalui pelaksanaan dan penyelarasan program-program pembangunan selaras dengan Dasar Wanita Negara.

Matlamat :

- ✓ Memperkasa golongan wanita di Sabah dengan misi utama memastikan golongan wanita sejahtera, inovatif dan berpengetahuan agar sentiasa relevan dengan arus perdana serta menjadi penyumbang kepada kemajuan negeri dan negara.
- ✓ Memperkasakan wanita Sabah agar mempunyai kebebasan ekonomi, berilmu pengetahuan, berkemahiran, makmur dan sejahtera serta melibatkan mereka dalam membuat keputusan di pelbagai peringkat.

KESUKARELAWANAN

Menyelaras dan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam Pertubuhan Pertubuhan Sukarela Kebajikan.

Matlamat:

Membantu organisasi yang terdiri daripada Pertubuhan Sukarela Kebajikan dalam aktiviti kesukarelawanan.

PENCEGAHAN PENYALAHGUNAAN DADAH

Mencegah masyarakat dari terjebak dengan gejala sosial khususnya dalam penyalahgunaan dadah.

Matlamat:

Melaksanakan program-program kesedaran antidadah.



TERIMA KASIH

*'Masyarakat prihatin dan
bertanggungjawab'*